



### ezCover

#### Pelan yang boleh dipercayai sekiranya berlaku perkara yang tidak dijangka

- ✓ Penerimaan dijamin untuk umur 18 -70 tahun
- ✓ Caruman bulanan tetap yang tidak meningkat mengikut umur.
- ✓ Manfaat dibayar terus kepada anda atau keluarga anda, cukai dikecualikan
- ✓ Tiada pemeriksaan perubatan

### Apa yang terkandung di dalam pelan kemalangan diri ini

	Manfaat	Basic	Supreme	Premier	Premier Plus
<b>Asas</b>	Kematian dan Hilang Upaya Keseluruhan Kekal Akibat Kemalangan	100,000	200,000	300,000	500,000
	Hilang Upaya Keseluruhan Sementara Akibat Kemalangan (Manfaat Mingguan)	50	100	150	250
	Pelan Bonus untuk Kematian dan Hilang Upaya Keseluruhan Kekal Akibat Kemalangan	-	10,000	15,000	25,000
<b>Tambahan (Opsyenal)</b>	Kematian dan Hilang Upaya Keseluruhan Kekal Akibat Kemalangan Semasa Perjalanan	50,000	100,000	150,000	250,000
	Tunai Kecemasan Semasa Kemasukan Hospital Akibat Kemalangan	250	500	750	1,250
	Kematian dan Hilang Upaya Keseluruhan Kekal Akibat Kemalangan Semasa Kecurian & Diragut	50,000	100,000	150,000	250,000
	Kematian dan Hilang Upaya Keseluruhan Kekal Akibat Kemalangan Semasa Penerbangan	200,000	400,000	600,000	1,000,000

Semua jumlah adalah dalam Ringgit Malaysia (RM)

### Apakah yang sebenarnya dilindungi oleh pembayaran Manfaat-Manfaat Utama?

#### Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Keseluruhan Kekal Akibat Kemalangan

Sehingga RM500,000 tunai sekaligus sekiranya mana-mana yang berikut berlaku dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kemalangan:

- Anda meninggal dunia akibat kemalangan tersebut
- Anda menjadi hilang upaya secara keseluruhan dan kekal dan tidak dapat menjana pendapatan atau bekerja untuk tempoh sekurang-kurangnya 6 bulan.
- Anda kehilangan keseluruhan penglihatan kedua-dua belah mata
- Anda kehilangan dua anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali
- Anda kehilangan keseluruhan penglihatan pada sebelah mata dan kehilangan satu satu anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali

#### Hilang Upaya Keseluruhan Sementara Akibat Kemalangan

Sehingga RM250 tunai mingguan "manfaat hidup" selama 104 minggu, sekiranya mana-mana yang berikut berlaku dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kemalangan:

- Anda mengalami hilang upaya sementara yang menghalang anda dari bekerja atau menhana pendapatan untuk 4 minggu berturut-turut.

#### Pelan Bonus untuk Kematian dan Hilang Upaya Keseluruhan Kekal Akibat Kemalangan (Pelan Supreme, Premier & Premier Plus sahaja)

Sehingga RM25,000 tunai sekaligus tambahan untuk Kematian dan Hilang Upaya Keseluruhan Kekal Akibat Kemalangan sekiranya:

- Kecelakaan anda mengakibatkan kematian atau Hilang Upaya Keseluruhan kekal dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kemalangan

## Sekiranya saya meningkatkan pelan saya dengan bayaran tunai tambahan, apakah yang dilindungi?



### Perjalanan

Sehingga RM250,000 untuk Kemalangan Semasa Perjalanan

Anda dan keluarga anda akan menerima manfaat tunai sekaligus ini sekiranya:

- Anda mengalami kecederaan semasa perjalanan; dan
- Kecederaan anda menyebabkan Kematian atau Hilang Upaya Keseluruhan Kekal dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kemalangan



### Tunai Kecemasan

Sehingga RM1,250 untuk Kecemasan Hospital

Anda dan keluarga anda akan menerima manfaat tunai sekaligus ini sekiranya:

- Anda mengalami kecederaan akibat kemalangan sewaktu dalam perjalanan; dan
- Kecederaan anda menyebabkan Kematian atau Hilang Upaya Keseluruhan Kekal dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kemalangan



### Kecurian & Diragut

Sehingga RM250,000 untuk rompakan Kecurian & Diragut

Anda dan keluarga anda akan menerima manfaat tunai sekaligus ini sekiranya:

- Anda mengalami kecederaan sebagai mangsa kecurian & diragut yang menyebabkan Kematian atau Hilang Upaya Keseluruhan Kekal dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kemalangan



### Penerbangan

Sehingga RM1,000,000 untuk Kemalangan Semasa Penerbangan

Anda dan keluarga anda akan menerima manfaat tunai sekaligus ini sekiranya:

- Anda mengalami kecederaan sewaktu kemalangan penerbangan; dan
- Kecederaan anda menyebabkan Kematian atau Hilang Upaya Keseluruhan Kekal dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kemalangan

## Apa perkara-perkara lain yang harus diketahui mengenai ezCover?

- Anda dan pasangan anda layak mendaftar sekiranya kedua-dua anda berumur 18-70.
- Jumlah pembayaran untuk anak adalah sebanyak 50% daripada jumlah pembayaran dewasa dan anak tidak dilindungi untuk Hilang Upaya Keseluruhan Sementara.
- Anak haruslah berumur 6 bulan hingga 23 tahun dan berada di bawah tanggungan pemegang Sijil. Tiada had ke atas jumlah anak yang boleh dilindungi.
- Sekiranya anda mendaftar dalam ezCover, anda boleh membuat pembatalan dengan mengembalikan Sijil kepada EZTakaful dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan dan sebarang caruman yang telah anda bayar akan dikembalikan. Sekiranya anda memilih untuk membatalkan selepas 14 hari penerimaan Sijil, sebarang caruman yang telah dibayar tidak akan dikembalikan.
- Pembaharuan ezCover adalah dijamin, selagi caruman dibayar, sehingga umur 75 di mana pelan ini tamat.
- ezCover ditamatkan sebaik sahaja Manfaat Kematian atau Hilang Upaya Keseluruhan Kekal dibayar.
- Zurich General Takaful Malaysia Berhad merupakan pengendali Takaful ezCover.

## Apa yang tidak dilindungi di bawah ezCover?

ezCover mempunyai pengecualian-kecualian yang termasuk aktiviti terlarang, keadaan fizikal, tingkahlaku cuai, keadaan perubatan sedia ada, beberapa pekerjaan dan keadaan.

Sila lihat Sijil Induk ezCover untuk senarai penuh pengecualian, definisi dan syarat-syarat atau hubungi 1300 82 0010 sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan.